

D403

R B232 BAH
MAHATHIR - UMNO (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)

KUALA TERENGGANU, 25 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YAKNI BARISAN NASIONAL AKAN TERUS BERKUASA DI KELANTAN SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG KERANA KEDUDUKAN UMNO DI NEGERI ITU KINI BERTAMBAH TEGUH.

KATANYA, WALAUPUN PELBAGAI USAHA SEDANG DIJALANKAN OLEH PIHAK LAWAN, TERUTAMA DARIPADA PARTI SEMANGAT 46 DAN PAS, UNTUK BERKUASA DI NEGERI ITU, NAMUN SEMANGAT ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TIDAK PERNAH LUNTUR.

+SEPERTI JUGA PUCUK PIMPINAN UMNO DI NEGERI ITU, SAYA BERKEYAKINAN PENUH UMNO YANG MENJADI TULANG BELAKANG KEPADA PEMERINTAH NEGARA, AKAN TERUS MENDAPAT SOKONGAN DARIPADA PELBAGAI LAPISAN RAKYAT DI KELANTAN, + KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO BAHAGIAN KUALA NERUS DI DEWAN BESAR KOLEJ AGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN, DEKAT SINI HARI INI.

SEHALAH DATUK SERI DR MAHATHIR BERKUNJUNG KE KELANTAN UNTUK MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN GUA MUSANG.

PERDANA MENTERI BERKATA PELBAGAI USAHA SEDANG DIJALANKAN OLEH PARTI SEMANGAT 46 UNTUK WENARIK SOKONGAN RAKYAT KELANTAN. APA YANG JELAS KELIHATAN IALAH BILANGAN PENYOKONG PARTI ITU TIDAKLAH RAMAI -- LAGI

1630MST 25 08 89

0415

R B239 BAH
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA TERENGGANU (ULANGAN MEMBETULKAN PARA
(KEDUA)

BELIAU MENGAKUI TERDAPAT PELBAGAI PEMIDANG DAN POSTER, TERMASUK TAYAR-TAYAR BURUK, YANG MEMPUNYAI LAMBANG PARTI SEMANGAT 46 DIPASANG DI BEBERAPA TEMPAT DI GUA MUSANG KETIKA BELIAU BERKUNJUNG KE PEKAN ITU.

+MUNGKIN PEMIDANG DAN POSTER ITU DIPASANG UNTUK MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN SAYA KE SITU, + KATANYA SECARA BERJENAKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEKUATAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL DI KELANTAN TIDAK AKAN TERGUGAT KERANA SELAIN DARIPADA UMNO BERTAMBAH TEGUH, PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SEPERTI MCA TELAH BERIKRAR AKAN MEMBERI SOKONGAN PADU KEPADA CALON-CALON UMNO YANG AKAN BERTANDING DI NEGERI ITU, TERMASUK DI GUA MUSANG, PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

KATANYA, PERJUANGAN PARTI SEMANGAT 46 BUKAN UNTUK KEPENTINGAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

+BAGI PARTI SEMANGAT 46, APA YANG PALING PENTING IALAH PEMIMPINNYA IAITU TENGGU RAZALEIGH HAMZAH MENJADI PERDANA MENTERI, WALAUPUN JUMLAH KERUSI YANG AKAN DIMENANGINYA PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG HANYA SEDIKIT, + KATANYA.

JUSTERU ITU, KATA PERDANA MENTERI, PARTI SEMANGAT 46 SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI POLITIK YANG MENJADI MUSUH UTAMA KEPADA UMNO SEPERTI PAS DAN DAP. -- LAGI

1654MST 25 08 89

R B213 BAH
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA TERENGGANU

BELIAU JUGA MENOLAK KEMUNGKINAN AKAN BERLAKU BEBERAPA PERUBAHAN DALAM PUCUK PIMPINAN UMNO DI KELANTAN SEBELUM PILIHAN RAYAUMUM AKAN DATANG.

KATANYA, DALAM KEADAAN UMNO BERTAMBAH TEGUH DAN SEHANGAT ANGGOTA-ANGGOTANYA TERUS MENINGKAT, BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG SEBAB MENGAPA PERUBAHAN DALAM PUCUK PIMPINAN PART1 ITU DI KELANTAN PERLU DILAKUKAN.

MENGENAI KRISIS PART1 PART1 BERSATU SABAH(PBS), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEDUDUKAN ENCIK KALAKAU UNTOL SEBAGAI TIMBALAN MENTERI BURUH TIDAK TERJEJAS WALAUPUN KEANGGOTAANNYA DALAM PBS TELAH DIGANTUNG, BARU-BARU INI.

KATANYA, KEJADIAN DIMANA SESEORANG DILANTIK MENGANGGOTAI KABINET DALAM KEADAAN ORANG BERKENAAN TIDAK MEWAKILI MANA-MANAPARTI POLITIK BUKANLAH SESUATU YANG LUAR BIASA.

+DULU DATUK HAJI HASSAN ADLI JUGA TERUS MENJADI MENTERI WALAUPUN TIDAK MENJADI ANGGOTA MANA-MANA PART1 POLITIK,+ KATANYA. -- LAGI
1430MST 25 08 89

0343

R B214 BAH
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA TERENGGANU

DATUK HAJI HASSAN, BEKAS SALAH SEORANG PEMIMPINTERTINGGI PAS DILANTIK MENJADI MENTERI PERUBAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DALAM KABINET PIMPINAN BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN. HAJI HASSAN DISINGKIR DARIPADA PAS SETELAH ENGGAN MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI MENTERI APABILA PAS TIDAK LAGI MENGANGGOTAI BARISAN NASIONAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMILIHAN SESEORANG ANGGOTA KABINET ADALAH MERUPAKAN HAK DAN KUASAPERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BELUM MENERIMA SEBARANG LAPORAN RASMI MENGENAI KRISIS DALAM PBS, BERIKUTAN PEMECATAN DAN PENGANTUNGAN BEBERAPA ANGGOTA PART1 ITU, BARU-BARU INI. -- BERNAMA
1435MST 25 08 89